



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

BAGI

**ANUGERAH PEKERJA CONTOH BULANAN BAGI BULAN
SEPTEMBER HINGGA DISEMBER**

**RUANG DATO' DAGANG PAROI,
26 DISEMBER 2023 (SELASA)**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera, Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

Salam Malaysia Madani

Yang Dihormati

Tuan Mas Midyawan bin Yahya

Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban

Yang Berusaha

En. Saiful Azuar bin Ahmad Jadi

Pengarah Khidmat Pengurusan

Majlis Bandaraya Seremban

Barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit

Majlis Bandaraya Seremban

Yang Diraikan

Penerima-penerima Anugerah Pekerja Contoh Bagi Bulan September sehingga Disember 2023 Majlis Bandaraya Seremban ;

Dan

Seterusnya Para Hadirin Sekalian

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia – Nya dapat kita berkumpul bersama-sama di dalam Majlis Anugerah Pekerja Contoh Bulanan Bagi Bulan September hingga Disember 2023 Majlis Bandaraya Seremban. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua hadirin yang hadir pada hari ini dan tahniah kepada semua penerima anugerah kali ini. Hari ini kita akan meraikan seramai 24 orang penerima Anugerah Pekerja Contoh Bulanan Bagi Bulan September hingga Disember 2023.

Para hadirin sekalian,

2. Warga kerja Majlis Bandaraya Seremban merupakan tulang belakang kepada Majlis Bandaraya Seremban. Justeru itu, Majlis bertanggungjawab memberikan perkhidmatan terbaik kepada warga bandar raya melalui pelaksanaan penambahbaikan yang berterusan sama ada dari segi sistem, peraturan, proses kerja dan penghasilan agar dapat memberi manfaat kepada warga bandar raya.
3. Saya meminta supaya warga kerja MBS tidak terlalu selesa dengan kemahiran yang ada sebaliknya sentiasalah berusaha menimba pengalaman baharu. Bak kata Winston Churchill, “*to improve is to change, to be perfect is to change often*”. Saya juga mengingatkan kepada semua warga kerja MBS supaya sentiasa memelihara integriti sepanjang masa walaupun di luar waktu bekerja. Ini kerana skop integriti bukan sahaja isu rasuah malah ianya lebih daripada itu.

INTEGRITI

Para hadirin sekalian,

4. Integriti merangkumi sifat jati diri dan amanah dalam melaksanakan tanggungjawab. Warga kerja MBS perlu peka dengan kebiasaan yang dilakukan dan telah menjadi amalan dalam kehidupan sehari-hari seperti minum pagi pada waktu pejabat sering diperkatakan oleh masyarakat. Tidak keterlaluan jika saya katakan amalan ini dianggap sebagai "rasuah masa" di mana waktu kerja digunakan sewenang-wenangnya sehingga menjatuhkan imej penjawat awam secara keseluruhan, ibarat nila setitik telah merosakkan susu sebelanga

ANUGERAH PEKERJA CONTOH

Para hadirin sekalian,

5. Anugerah pekerja contoh merupakan anugerah yang disampaikan kepada warga kerja Majlis Bandaraya Seremban setiap bulan bagi menghargai warga kerja dan sebagai simbolik ucapan terima kasih atas segala sumbangan dan khidmat bakti warga kerja yang telah melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan cemerlang setiap bulan.
6. Mencapai kejayaan adalah pengalaman yang sangat positif dan begitu bernilai kepada setiap individu. Ia memberi perasaan kepuasan dalam bekerja di samping memupuk semangat motivasi kepada setiap penerima. Pelaksanaan Anugerah Pekerja Contoh ini diharap akan dapat menyuntik semangat dan sebagai tanda penghargaan kepada pegawai dan kakitangan dalam

memantapkan sistem penyampaian kerajaan. Penerima Anugerah Pekerja Contoh akan menerima Sijil Penghargaan dan wang tunai sebanyak RM200.00 seorang.

PENUTUP

7. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada semua orang kakitangan daripada pelbagai jabatan dan unit menerima anugerah pada hari ini. Saya berharap dengan pengiktirafan yang diberikan ini akan menaikkan lagi semangat di samping menjadi inspirasi kepada semua warga kerja Majlis Bandaraya Seremban untuk meneruskan khidmat bakti dengan lebih baik dan berdedikasi.
8. Akhir sekali saya menyeru agar seluruh warga Majlis Bandaraya Seremban supaya dapat bergerak seiring terutamanya cara kita bekerja agar lebih cekap dan lebih pantas bertindak memberi yang terbaik kepada seluruh warga Bandar Raya terutamanya pada menjelang tahun 2024 nanti. Syabas dan tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada penerima-penerima Anugerah Pekerja Contoh Bagi Bulan September sehingga Disember 2023 pada hari ini. Saya juga berharap agar tuan puhan bukan sahaja dapat mengekalkan prestasi yang baik malah dapat meningkatkan lagi usaha agar perkhidmatan yang diberikan lebih baik pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
26 DISEMBER 2023**